Cheah Yen Pin (P) lwn Tan Chuan Ou

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PETISYEN PENCERAIAN NO S4(S5)-33-961 TAHUN 1999
RAHMAH HUSSAIN H
10 JULAI 2002

Undang-Undang Keluarga — *Obligasi kewangan — Penjagaan — Kegagalan responden mematuhi perintah interim — Sama ada permohonan responden untuk variasi harus dipertimbangkan*

Undang-Undang Keluarga — *Obligasi kewangan — Penjagaan — Sama ada responden perlu menanggung anak-anak pempetisyen daripada perkahwinan terdahulu pempetisyen — Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 ss 83 dan 96*

Pada 28 Mac 2001, mahkamah telah mengeluarkan satu perintah interim yang, antara lain, memerintah responden membayar nafkah bulanan sebanyak RM7,500 kepada pempetisyen dan empat orang anaknya. Responden telah memohon untuk variasi bagi perintah interim tersebut berdasarkan ss 83 dan 96 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976, untuk mengecualikannya daripada menanggung tiga orang anak pempetisyen hasil daripada perkahwinannya terdahulu. Responden telah beberapa kali gagal mematuhi perintah interim tersebut dan ini tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Diputuskan, menolak permohonan responden seperti di dalam kandungan 52 dengan kos:

(1) Seksyen 99 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 adalah jelas dan patut dibaca bersama s 2 dari Akta yang sama. Peruntukan undang-undang tempatan di atas jelas meletakkan tanggungjawab menanggung seorang anak perkahwinan itu kepada bapa tanpa mengambilkira fakta bahawa kanak-kanak tersebut telah lahir hasil dari perkahwinan terdahulu (lihat ms 131D, F–H).

(2) Responden menyatakan bahawa beliau tidak mematuhi perintah interim tersebut kerana didorong oleh kepercayaan beliau bahawa perintah interim tersebut telah diperolehi oleh pempetisyen melalui salah nyataan (misrepresentation) undang-undang dan fakta. Kepercayaan tersebut bukan merupakan suatu justifikasi atau alasan yang kukuh untuk responden mengelak dari mematuhi perintah yang sudahpun dikeluarkan oleh mahkamah. Responden mempunyai tanggungjawab yang penuh untuk terus mematuhi perintah tersebut sehingga ia diketepikan ataupun diubah (varied) oleh mahkamah (lihat ms 132B–D).

(3) Tindakan responden mengabaikan perintah interim tersebut dianggap sebagai suatu perbuatan menghina mahkamah dan adalah sesuatu yang serius dan permohonan responden ini

tidak harus dipertimbangkan (lihat ms 132H–I); *Wee Choo Keong v MBf Holdings Bhd & Anor and another appeal* [1993] 2 MLJ 217 diikut.] A

[**English summary**

B

On 28 March 2001, the court made an interim order, inter alia, ordering the respondent to pay monthly maintenance of RM7,500 to the petitioner and her four children. The respondent applied for a variation of the said interim order based upon ss 83 and 96 of the Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976, exempting him from supporting the petitioner's three children from her previous marriage. C The respondent had on several occassions failed to comply with the said interim order and this was not disputed by either party.

Held, dismissing the respondent's application as in encl 52 with costs:

(1) Section 99 of the Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 D is clear and should be read with s 2 of the same Act. The provision above clearly places the responsibility of maintaining a child of the marriage on the father without considering the fact that the said child was born in a previous marriage (see p 131D, F–H).

(2) The respondent stated that he did not comply with the interim E order because he was of the belief that the said interim order was obtained by the petitioner through misrepresentation of law and fact. That belief was neither a justification nor a firm reason for the respondent to avoid complying with the order given by the court. The respondent had the full responsibility to continue complying with the said order until it was set aside or varied by F the court (see p 132B–D).

(3) The respondent's action in ignoring the interim order amounted to contempt of court and was serious and the respondent's present application should not be considered (see p 132H–I); *Wee Choo Keong v MBf Holdings Bhd & Anor and another appeal* G [1993] 2 MLJ 217 followed.]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penjagaan, lihat 7 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 2946–2951. H

Kes-kes yang dirujuk

Lee Lim Huat v Yusuf Khan Ghows Khan & Anor [1997] 2 MLJ 472 (dirujuk) I

Wee Choo Keong v MBf Holdings Bhd & Anor and another appeal [1993] 2 MLJ 217 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ss 2, 83, 96, 99

Balwant Singh Sidhu (*Balwant Singh Sidhu & Co*) bagi pihak pempetisyen.

SY Chew (*SY Chew & Co*) bagi pihak responden.

Rahmah Hussain H: Pada 28 Mac 2001, mahkamah ini telah mengeluarkan suatu perintah interim (kandungan (37)) yang, antara lain, memerintahkan agar responden membayar nafkah bulanan sebanyak RM7,500 kepada pempetisyen dan empat orang anaknya. Seterusnya, melalui permohonan ini (kandungan (52)), responden pula telah memohon untuk mendapatkan perintah variasi bagi perintah interim tersebut bersandarkan kepada ss 83 dan 96 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976. Menurut responden, beliau seharusnya dikecualikan daripada menanggung tiga orang anak pempetisyen hasil dari perkahwinannya yang terdahulu.

Dalam isu ini, saya rasa s 99 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976 adalah jelas. Ianya, antara lain, memperuntukkan:

> (1) Jika seseorang lelaki telah menerima seseorang anak yang bukan anaknya sebagai seorang ahli keluarganya, maka adalah menjadi kewajipannya menanggung nafkah anak itu semasa dia masih seorang kanak-kanak setakat mana bapa dan ibu anak itu tidak berbuat demikian, dan mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang perlu bagi mempastikan kebajikan anak itu:
>
> Dengan syarat bahawa kewajipan yang dikenakan oleh subseksyen ini hendaklah terhenti jika anak itu dibawa pergi oleh bapa atau ibunya.

Peruntukan di atas hendaklah dibaca bersama s 2 dari Akta yang sama. Ianya memberi definisi 'anak dari perkahwinan' seperti berikut:

> 'anak dari perkahwinan' ertinya seseorang anak kepada kedua-dua pihak kepada perkahwinan yang berkenaan atau seseorang anak kepada satu pihak kepada perkahwinan itu, yang diterima sebagai seorang ahli keluarga oleh pihak yang satu lagi itu; ...

Peruntukan undang-undang tempatan di atas jelas meletakkan tanggungjawab menanggung kehidupan seorang anak perkahwinan itu kepada bapa tanpa mengambilkira fakta bahawa kanak-kanak tersebut telah lahir hasil dari perkahwinan terdahulu. Pada pemikiran saya, perkataannya adalah jelas dan tidak memerlukan tafsiran yang panjang lebar, menggunakan autoriti tambahan, baik dari dalam mahupun luar negara. Tanggungjawab responden untuk memberi nafkah kepada tiga orang anak pempetisyen yang wujud hasil dari perkahwinan pempetisyen yang terdahulu haruslah diteruskan. Responden sendiri telah mengakui bahawa beliau telah menerima kanak-kanak tersebut sewaktu beliau berkahwin dan hidup bersama pempetisyen. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar beliau kini cuba mengelak dari meneruskan tanggungjawab tersebut.

Persoalan utama yang menarik perhatian saya kini adalah sama ada permohonan responden ini berhak untuk didengar atau tidak. Isu yang dibangkitkan ini merupakan suatu isu yang amat penting dan relevan. Saya berpendapat persoalan ini harus dipertimbangkan dan diselesaikan terlebih dahulu sebelum mahkamah ini berganjak lebih jauh dalam mendalami dan menghalusi isu-isu lain yang menjadi pertikaian di dalam kes ini.

Sekiranya diteliti dari penghujahan kedua-dua peguam, mereka nampaknya bersetuju bahawa responden telah beberapa kali gagal mematuhi perintah interim mahkamah bertarikh 28 Mac 2001. Fakta ini jelas tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Responden menyatakan bahawa tindakan beliau dalam tidak mematuhi perintah interim tersebut didorong oleh kepercayaan beliau bahawa perintah interim tersebut telah diperolehi oleh pempetisyen melalui salah nyataan (misrepresentation) undang-undang dan fakta. Namun demikian, pada hemat saya, kepercayaan tersebut bukan merupakan suatu justifikasi atau alasan yang kukuh untuk responden mengelak dari mematuhi perintah yang sudahpun dikeluarkan oleh mahkamah.

Responden di sini mempunyai tanggungjawab yang penuh untuk terus mematuhi perintah tersebut sehinggalah ia diketepikan ataupun diubah (varied) oleh mahkamah. Responden tidak boleh bertindak mengambil peranan mahkamah dengan sendiri dalam menentukan sama ada pempetisyen telah melakukan salah nyataan kepada mahkamah dalam memperolehi perintah interim tersebut.

Kes *Wee Choo Keong v MBf Holdings Bhd & Anor and another appeal* [1993] 2 MLJ 217 merupakan suatu panduan yang amat berguna dan yang telah membicarakan perkara ini dengan panjang lebar. Abdul Hamid Omar LP (beliau pada masa itu) di ms 220 menegaskan:

> It is established law that a person against whom an order of court has been issued is duty bound to obey that order until it is set aside. It is not open for him to decide for himself whether the order was wrongly issued and therefore does not require obedience. His duty is one of obedience until such time as the order may be set aside or varied. Any person who fails to obey an order of court runs the risk of being held in contempt with all its attendant consequences.

Dalam meneliti fakta kes ini, saya beranggapan tindakan responden mengabaikan perintah interim tersebut sebagai suatu perbuatan yang terang-terang menghina arahan mahkamah ini. Perbuatan mengabaikan perintah mahkamah berlaku berulang kali dan ini terbukti melalui tindakan pempetisyen memfailkan saman penghutang penghakiman sebanyak dua kali, iaitu pada 2 Mei 2001 dan 22 Jun 2001. Adalah sesuatu yang mengejutkan bahawa responden kini berani memohon perlindungan daripada mahkamah yang sama. Oleh yang demikian, dalam menjalankan kuasa budibicara mahkamah, saya berpendapat tindakan responden menghina mahkamah adalah sesuatu yang serius dan saya percaya permohonan responden kini tidak harus dipertimbangkan. Pendirian saya ini selaras dengan keputusan Mahkamah Agung di dalam kes *Wee Choo*

A *Keong* di mana Abdul Hamid Omar LP (beliau pada masa itu) di ms 221 menegaskan:

> We are unable to accept that any exceptions per se exist to the general rule that a party in contempt cannot be heard until he has purged his contempt. We are in favour of the views expressed by Denning LJ in *Hadkinson v Hadkinson* [1952] 2 All ER 567] that it is a matter of discretion depending on the
B circumstances of the case whether or not a litigant ought to be heard notwithstanding his contempt ...
>
> In this regard, we are mindful of the competing public interest in a litigant having a right to be heard. Although the right to be heard is a fundamental right vested in all litigants, that right however cannot be taken as an absolute
C right. Where the litigant shows himself to have little or no regard to an order issued against him, then he has to an extent, forfeited his right to be heard or at least postponed that right until he has suitably purged his contempt.

Pendapat Abdul Hamid LP (beliau pada masa itu) berkenaan isu ini dipersetujui dan ditekankan kembali oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Lee Lim Huat v Yusuf Khan Ghows Khan & Anor* [1997] 2 MLJ 472 di
D ms 248. Gopal Sri Ram HMR di dalam penghakimannya di ms 199 memutuskan bahawa:

> A person against whom an order of court has been issued must obey that order until it is set aside. It is not open for him to decide for himself whether the order was wrongly issued and therefore does not require obedience ...

E Oleh hal yang demikian, pada pendapat saya, peguam responden gagal memberikan hujahan-hujahan yang kukuh bagi meyakinkan saya untuk menggunakan kuasa budi bicara saya bagi mendengar dan mempertimbangkan permohonannya untuk mengubah atau memvariasikan perintah interim bertarikh 28 Mac 2001. Oleh yang demikian, setelah
F meneliti dan memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap fakta-fakta kes ini, maka saya bersetuju dengan hujahan peguam pempetisyen bahawa permohonan responden tidak boleh dilayan oleh mahkamah sehingga beliau membersihkan penghinaan mahkamahnya. Oleh itu, permohonan responden seperti di dalam kandungan 52 ditolak dengan kos.

G *Permohonan responden seperti di dalam kandungan 52 ditolak dengan kos.*

Dilaporkan oleh Chew Phye Ken

H

I